

09 MAY 2001

PROJEK PEMBANGUNAN PERLU DILAKSANAKAN SEGERA, KATA ISA

SEREMBAN, 9 Mei (Bernama) -- Menteri Besar Negeri Sembilan Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad berkata kerajaan negeri sentiasa memantau projek-projek pembangunan yang dijalankan bagi memastikan ia dilaksanakan mengikut jadual.

Beliau berkata Jawatankuasa Pembangunan Negeri bermesyuarat setiap bulan bagi mendapatkan maklumat perkembangan sesuatu projek.

Bercakap kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Exco kerajaan negeri di sini hari ini, beliau berkata para pegawai daerah juga telah diarah supaya memastikan projek pembangunan kawasan mereka dilaksanakan segera sebaik sahaja mendapat peruntukan.

Mengulas saranan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya semua projek pembangunan dilaksanakan mengikut jadual, Mohamed Isa berkata langkah untuk memastikan projek dijalankan mengikut prosedur dan jadual telah diambil oleh kerajaan negeri.

Mengenai kejadian tumpahan minyak dari Logi Shell di Kampung Ayer Meleleh, Port Dickson minggu lepas, beliau berkata pihak Shell telah mengemukakan laporan dan mengambil berbagai langkah untuk mengelak kejadian serupa daripada berulang.

-- BERNAMA

APG MOZ